

AKU KALIS PELURU

diselenggarakan oleh

MUZAF AHMAD

THOYBAH MURSYIDAH

SHAFIQ SAID

PENAMPILAN
IS TIMEWA
& FDHLIN
SHAUKI



kata pengantar oleh

PROF. MADYA DR. HAFIDZI MOHD NOOR

33



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y.A.T.A.S.A.N
KEPIMPINAN
PERDANA



Antologi Cerpen dan Puisi

AKU KALIS PELURU

GKLN/Aqsa Syarif 2013

diselenggarakan oleh

Muzaf Ahmad, Thoyba Mursyidah dan Shafiq Said

PUSTAKA PERDANA



1012203



GKLN

AQSA SYARIF

Karyawan Publishing House

Diterbitkan oleh:

Karyawan Publishing House (TR0108990-K)
1802, Jalan Tok Hakim,
Kampung Padang Midin,
21400 Kuala Terengganu,
Terengganu D.I.

Teks © Masing-masing penulis
Penerbitan © Karyawan Publishing House
Grup Karyawan Luar Negara
Laman sesawang: www.karyawanluarnegara.com

Cetakan Pertama 2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa bentuk jua dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Karyawan Publishing House dan penulisnya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muzaf Ahmad

Aku kalis peluru : antologi cerpen dan puisi / diselenggarakan oleh
Muzaf Ahmad, Thoyba Mursyidah, Shafiq Said.

ISBN 978-967-10786-4-8

1. Short stories, Malay. 2. Malay poetry. I. Muzaf Ahmad, 1990-.

II. Thoyba Mursyidah, 1990-. III. Shafiq Said, 1991-. IV. Judul.

899.233010803

Reka bentuk dan atur huruf: Muzaf Ahmad

Gambar muka depan : Shafiq Said

Dicetak oleh:

UNIVISION PRESS Sdn. Bhd.

Lot 46, 47 & 48, Jalan SR 1/9, Seksyen 9,
Jalan Serdang Raya, Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan,
Selangor D. E.

899.233




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kandungan

Kata Pengantar	1
Aqsa Syarif: Suatu Sorotan	4
GKLN: Suatu Sorotan	5
A. Afandi Suhaimi Puisi <i>Monolog Lebah</i>	10
Addin Puisi <i>Di Sini Aku</i>	12
<i>Rintihan Buat Sahabat</i>	13
Ammu Afdholin Puisi <i>Mata Kecilku</i>	15
Fahd Razy Puisi <i>Setelah Isyak Dari Daerah Perang</i>	19
<i>Menyembelih Haiwan</i>	20
<i>Hujan Mengguyur Di Al Quds</i>	21
Fahroni Hamdan Puisi <i>Tuhan, tolong dodoikan</i>	23
<i>Puisi mimpi yang berjuang</i>	24
Fariyah Reza Puisi <i>Atas Nama Palestin</i>	26
<i>Jalan Juang</i>	27
Hafiszi Omar Puisi <i>Aku Kalis Peluru</i>	29
<i>Lingkaran Kebebasan</i>	30
<i>Tiada Lagi Petikan Gambus</i>	31
Iwan Ghazali Puisi <i>Naskhah Mimpi</i>	33
<i>Cerpen Di Hadapan Mata</i>	34
Kameelia Kameel Puisi <i>Prahara Palestin</i>	45

Kartini Kassim Puisi <i>Tentang Kisah Perang yang Tak Pernah Di-</i> <i>umumkan</i>	47
<i>Aku Tulis Puisi Ini Untukmu</i>	48
<i>Bahasa Cinta Palestin</i>	49
Khadijah Khalilah Puisi <i>Hadiah Qunut Nazilah</i>	52
<i>Mencari Lorek Pena Biru</i>	53
Khairil Idham Ismail Puisi <i>Sepucuk warkah dari Gaza</i>	55
<i>Di Sejadah Usia</i>	56
Kymioflario Puisi <i>Misi Si Ubi</i>	58
Munirah Jamalludin Puisi <i>Mawar Merah di Gaza</i>	60
<i>Sesudah Hujan II</i>	61
Muzaf Ahmad Puisi <i>Palestin, Kami Datang!</i>	63
<i>Cerpen Syahid ke Sorga</i>	64
Nur Adilla Abd Rahim Puisi <i>Tuan, Izinkan Kami</i>	72
Patacheh Salam Cerpen <i>j-h-d</i>	74
Putera Mu`izz Puisi <i>Rengekan Anak Palestin</i>	86
Rasydan Fitri Puisi <i>Penjara Syurga</i>	89
<i>In Memoriam, Naratif</i>	90
Rebecca Ilham Cerpen <i>Hujan Hujung Januari</i>	93
Rifhan Rasuli Puisi <i>Menamatkan Kitaran</i>	103
<i>Cerpen Flotila Jihad</i>	104
Rizwan Saiful Puisi <i>Solidariti</i>	120



Salmi S.S <i>Puisi Epistle Palestina</i>	123
<i>Cerpen Epistle Palestina</i>	124
Sammaituha Najwa <i>Cerpen Pejuang Yang Tidak Tewas</i>	129
Shafiq Said <i>Puisi Mencintaimu Sejurnya, Gaza</i>	138
<i>Warkah Air mata Seorang Syuhada</i>	139
<i>Sepanjang Malam yang Buta</i>	139
Shahkang <i>Puisi Apologi Buat Seorang ADIK I</i>	141
<i>Apologi Buat Seorang ADIK II</i>	141
<i>Apologi Buat Seorang ADIK III</i>	142
Si Kandil Hijau <i>Cerpen Ramadhan Gerhana Di Kota Falujah</i>	145
Siddiq Osman <i>Cerpen Menyelak Duri Di Rimba Hati Atuk</i>	154
Syafiq Zulakifli <i>Cerpen Bukan Yatim Gaza</i>	161
Thoyba Mursyidah <i>Cerpen Hati Palestin</i>	170
Ummu Hafiy <i>Puisi Kelabu Pelangiku</i>	179
<i>Cerpen Calon Syuhada'</i>	180
Zaim Salimun <i>Cerpen Irbid, Laut Mati, dan Palestin</i>	188
Zaki Johari <i>Puisi Maaf Dari Palestin</i>	199
<i>Bicara Di Padang Darah IV</i>	200
<i>Tembok besar iman</i>	201
zikraaAmatullah <i>Cerpen Pejuang Tanpa Nama</i>	203





Kata Pengantar

Dengan Nama Allah Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani.

Saya memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga apabila menatap naskah Antologi Cerpen dan Puisi nukilan GKLN (Grup Karyawan Luar Negara) berjudul 'AKU KALIS PELURU'. Saya membuat kesimpulan bahawa AKU KALIS PELURU adalah lambang kepada kecintaan dan dambaan ke atas tanah suci Baitul Makdis di bumi Palestin. Ia adalah satu cetusan sekelompok penulis-penulis muda yang mencurahkan syu'ur dan dhamir mereka terhadap Tanah Suci yang telah dinodai sejak sekian waktu. Curahan kasih ini mereka tuangkan dalam bentuk penulisan kreatif yang mempunyai nilainya yang tersendiri. Semoga ia menjadi saksi akan murninya harapan umat yang terjelma pada jiwa-jiwa muda yang akan mewarisi dan mewariskan perjuangan pembebasan al Quds pada generasi penyambung.

AKU KALIS PELURU adalah satu karya yang mengisi lompang pada salah satu sisi perjuangan pembebasan Tanah Suci Palestin iaitu penulisan kreatif dalam bentuk prosa dan puisi. Sudah tentu kemunculannya ke haribaan masyarakat pencita al Quds ditunggu-tunggu. Genre dan tema yang dihidangkan pasti menghilangkan dahaga mereka yang meminati puisi dan cerpen seputar kehidupan dan segala persoalannya di bumi Palestin. Ia mengenyangkan jiwa mereka yang mahu mencurahkan rasa terhadap bumi yang istimewa itu. Walaupun tidak pernah mereka jejak, bait-bait puisi dalam AKU KALIS PELURU menghantar roh mereka ke sana, untuk melihat penderitaan dan kebahagiaan, melihat pengorbanan dan ganjaran, melihat tangisan dan senyuman di bumi barakah itu. Syabas kepada barisan penulis yang berjaya menyulam semua nilai kemanusiaan di bumi Palestin dan menghidangkannya dalam bentuk yang ampuh sesuai dengan judulnya AKU KALIS PELURU.

Bumi Palestin mencetus inspirasi. Sebagaimana alam yang damai melahirkan jiwa penyair begitu juga bumi perang mencetuskan syu'ur yang tajam dan peka. Nama seperti Mourid Barghouti yang menghasilkan karya *Ra'aytu RamAllah* (Aku melihat RamAllah) diikti-


raf sebagai karya penting oleh pemikir tersohor Palestin, Edward Said. Beliau meletakkan karya ini sebagai gambaran terbaik bagi Palestin yang terjajah sepanjang sejarahnya. Abdul Rahman Ahmad Jibril Baroud yang merasai pedihnya diusir dari kampung halaman menghasilkan puisinya yang pertama di bangku sekolah rendah lagi. Begitu juga Tamim al-Barghouti yang menghasilkan antologi cerpen *Majeena*, *Al-Manzar* dan karya-karya lainnya. Meskipun beliau adalah generasi *intifadah* namun darah penyair dari generasi *Nakbah* bapanya Mourid Barghouti mengalir di dalam darahnya.

AKU KALIS PELURU adalah satu sambutan dan kesinambungan dari karya puisi dan penulisan kreatif yang lahir dari bumi Palestin. Meskipun ia terpisah oleh ruang dan jarak namun jiwa muda sasterawan yang merantau jauh dari bumi Nusantara terbentur untuk menyahut sapaan bumi Palestin. Mengalir dari pena mereka di bumi Ireland, di benua Australia, di benua Amerika, di benua Eropah bahkan di pelbagai persada perantauan tak lupa di tanah air yang tercinta, menukikan bait-bait dan kalam syahdu untuk bumi Palestin.

AKU KALIS PELURU adalah satu hadiah dari gabungan penulis-penulis yang sudah menempatkan dirinya dalam dunia kesusasteraan seperti Rebecca Ilham, Shahkang, Fahd Razy, Syafiq Zulakifli dan Siddiq Osman; dan bintang-bintang yang baru terbit dan bakal menyinar dalam dunia penulisan kreatif tanah air. Mereka datang dari pelbagai latar belakang pendidikan dan profesion yang rencah seperti perubatan, farmasi, kejuruteraan, pengajian syariah, pengkomputeran dan pelbagai bidang iktisas. Mereka muncul dengan kalimah AKU KALIS PELURU sebagai satu tekad bahawa bumi Palestin akan sama diperjuangkan oleh seluruh umat ini.

Karya Ammu Afdholin (Afdlin Shauki) turut dimuatkan sebagai satu rumusan kepada pengalaman nyata menjejaki bumi Palestin di Ghazza sehingga melahirkan satu muhasabah diri untuk semua yang merindui bumi barakah itu.

Syabas diucapkan kepada GKLN dan barisan penulisnya. Pasti AKU KALIS PELURU akan memperkaya penulisan kreatif seputar perjuangan Palestin dan memeriahkan lagi khazanah kesusa-





steraan sejagat.

Semoga Allah SWT yang atas nama-Nya bumi al Quds akan dibebaskan memberi sebesar-besar ganjaran kepada semua penulis dan mereka yang berusaha sehingga terbitnya karya penting ini.

Prof Madya Dr Hafidzi Mohd Noor

Pengerusi

Aqsa Syarif

Jumaat 11 Rabiulakhir 1434H / 22 Februari 2013M

***“MEMPERKASA UMMAH
MEMBEBASKAN AL AQSA”***

Aqsa Syarif:
Suatu Sorotan

Aqsa Syarif ditubuhkan dan diluluskan pendaftarannya di Malaysia pada 4 Februari 2010 sebagai suatu organisasi yang berprofil sukarela di atas dasar kemanusiaan. Aqsa Syarif (singkatan: AQSA) memberi maksud “Masjid Yang Dimuliakan”. Aqsa Syarif mempunyai empat misi iaitu Penyebaran Maklumat, Bantuan Kemanusiaan, Bantuan Kewangan dan Kerjasama. Dianggotai oleh lapan orang ahli lembaga dari berbagai latar belakang pendidikan dan kerjaya dan menjadi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kelima bernaung di bawah Pertubuhan IKRAM Malaysia. Berganding bahu menyumbang tenaga dan fikiran untuk kebaikan Palestin dan dunia secara amnya. Aqsa Syarif mengharap dorongan dan sokongan dari para sukarelawan dan seluruh rakyat Malaysia.

Sejajar dengan misi Aqsa Syarif, pelbagai program dan projek sudah, sedang dan akan dilaksanakan. Di antaranya ialah memberi bantuan kemanusiaan melalui penghantaran bekalan makanan, perubatan dan keperluan pendidikan. Aqsa Syarif berusaha mengumpul dana dari rakyat dan pelbagai agensi awam dan swasta di Malaysia dan menyalurkan kepada rakyat di bumi Palestin dan di kem-kem sementara di luar negara seperti di Beirut, Jordan dan Syria. Kesemua itu bermula dengan aktiviti Aqsa Syarif di seluruh Malaysia seperti melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan NGO seumpama melalui ceramah, penerbitan media dan aktiviti ‘fund raising’. Aqsa Syarif bertekad untuk terus membantu rakyat Palestin dengan motto “Memperkasa Ummah, Membebaskan Al-Aqsa”.





Grup Karyawan Luar Negara:

Suatu Sorotan

GRUP KARYAWAN LUAR NEGARA (GKLN) mula diwujudkan pada awal tahun 2005 di Dublin, Ireland, oleh sekumpulan pelajar perubatan Malaysia yang menuntut di sana. Ketika itu GKLN dikenali sebagai Grup Karyawan Ireland (GKI) dengan jumlah ahlinya yang terawal mencapai 20 orang sahaja. Aktiviti-aktiviti GKI pada mulanya terfokus kepada perkongsian karya, berita sastera, tips-tips penulisan dan kertas-kertas kerja penulis serta pengkaji sastera yang lain melalui komuniti siber di internet.

Di samping itu juga, GKI telah menjemput beberapa orang penulis muda dan mapan untuk membantu membimbing ahli-ahli GKI dalam berkarya melalui ulasan dan komentar yang diberikan secara maya, iaitu mel elektronik dan perkhidmatan *yahoomessenger*. Walaupun sebahagian besarnya berorientasikan aktiviti maya (*online*) Kegiatan luar talian (*offline*) GKI bermula dengan kerjasama Persatuan Pelajar Islam Malaysia Ireland (PPIMI) yang mengadakan bengkel penulisan bersempena program Cuti-cuti Musim Bunga sekitar Mac-April tahun yang sama.


Pada bulan Ogos 2005, GKI dan PPIMI sekali lagi bekerjasama menganjurkan Sayembara Puisi Berunsur Islam Ireland-UK tahun 2005 buat pertama kalinya. Sayembara yang berlangsung selama tiga bulan tersebut mendapat sambutan di luar dugaan apabila sebanyak hampir 30 buah sajak telah diterima untuk dinilai. Encik Shamsudin Othman telah bertindak sebagai hakim bagi sayembara tersebut dan majlis penyampaian hadiah berlangsung di Waterford, Ireland sempena program Perhimpunan Ukhuwah Insaniah Seluruh Ireland 2005. Selepas berakhirnya sayembara pada tahun 2005, didapati jumlah ahli GKI telah meningkat secara mendadak. Lebih mengujakan lagi apabila terdapat banyak permohonan untuk menjadi ahli di kalangan pelajar-pelajar luar Ireland-United Kingdom seperti Australia, Rusia, Jepun, dan United States. Atas desakan tersebut maka GKI telah diubah namanya kepada Grup Karyawan Luar Negara (GKLN)

dan keahliannya dibuka kepada pelajar-pelajar Malaysia di seluruh dunia.

Sehingga kini, GKLN mempunyai sekitar 500 orang ahli dari pelbagai negara seperti Jepun, Rusia, Ireland, United Kingdom, United States, Jordan, Mesir, Australia, Ukraine, Jerman, Perancis, Republik Czech, Sudan, India, Indonesia, China, New Zealand, Morocco, dan lain-lain. Para ahli GKLN juga mengambil jurusan pendidikan yang pelbagai termasuklah perubatan, farmasi, bioteknologi, akauntan, teknologi maklumat, pengkomputeran, kejuruteraan, senibina, bahasa, kimia, syariah, dan sebagainya.

Bagi membantu melicinkan aktiviti, GKLN telah melantik beberapa orang *moderator* di sesetengah negara bagi membantu menguruskan aktiviti GKLN di negara tersebut. Misalnya pada tahun 2007, komuniti Grup Karyawan Luar Negara United States (GKLN-US) dan Grup Karyawan Luar Negara Morocco (GKLN-Morocco) telah diwujudkan. Selain daripada itu, kegiatan berorientasi sastera dan penulisan kian berkembang di negara-negara lain seperti wujudnya Lingkaran Sahabat Sastera Adelaide, Ikatan Penulis Mahasiswa di Indonesia (IPEM) dan Kelab Penulisan Irbid yang saling bekerjasama dengan GKLN.

Aktiviti-aktiviti GKLN juga bertambah pesat dan menggalakkan. Beberapa siri sayembara puisi dan cerpen telah dianjurkan hampir saban tahun. Pada tahun 2006, Sayembara Puisi Berunsur Islam Ireland-UK II dianjurkan. Pada tahun 2007-2008 pula GKLN mula memberi tumpuan kepada penulisan cerpen melalui penganjuran Sayembara Cerpen Berunsur Islam GKLN 2008 yang mendapat sambutan menggalakkan. Sayembara Puisi dan cerpen GKLN turut dianjurkan beberapa kali sepanjang tahun 2009 sehingga 2012. Terkini pada tahun 2012 dan 2013, GKLN telah menganjurkan beberapa siri sayembara hampir serentak iaitu Sayembara Puisi Dunia 2012, Sayembara Puisi Berunsur Islam GKLN-KMS 2013, Sayembara Puisi Zon Eropah-US, Sayembara Puisi Zon Asia-Australasia, dan Sayembara Puisi Zon Timur Tengah-Afrika. Setiap sayembara yang dianjurkan mendapat sambutan memberangsang dan karya-karyanya telah dibukukan dalam pelbagai naskhah antologi.





Pada bulan Februari 2007 GKLN telah menganjurkan sidang bengkel maya (secara *online conference*) dengan kerjasama Adabuna, komuniti penulis dari Timur Tengah. Bengkel yang julung-julung kali diadakan ini telah dijayakan oleh tiga orang pembimbing berpengalaman iaitu Puan Nisah Hj Haron, Faisal Tehrani, dan Zaid Akhtar. Selain daripada itu, GKLN turut terlibat melalui persembahan deklamasi sajak dalam beberapa majlis dan acara anjuran persatuan di luar negara seperti PPIMI dan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM). Pada Ogos 2007 pula, GKLN telah berkerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menjayakan Bengkel Penulisan Musim Panas Karyawan Muda Luar Negara di *Mandarin Court Hotel* dengan bimbingan Puan Zaharah Nawawi, Puan Salmiah Ismail, Pn Nisah Haron dan Faisal Tehrani. Rentetan kejayaan tersebut, Bengkel Penulisan Musim Panas Karyawan Muda Luar Negara turut dianjurkan pada tahun 2008, 2010, dan 2012.

Menyedari perlunya mengekalkan momentum perkembangan pesat GKLN, bermula tahun 2011 usaha giat dijalankan bagi membentuk pelapis GKLN di kalangan pelajar-pelajar persediaan luar negara di kolej tempatan seperti Kolej MARA Seremban, Kolej Mara Banting, Intec Shah Alam, Kolej MARA Kuala Nerang dan sebagainya. Beberapa siri Bengkel Penulisan GKLN-KMS-KMB telah dianjurkan dengan jayanya pada Januari dan April 2012. Pada Januari 2013 julung kali dianjurkan Bengkel Penulisan GKLN-KMS selama 3 hari yang melibatkan peserta dari pelbagai kolej persediaan di Malaysia. Para pelapis ini berpeluang menyertai beberapa projek penerbitan GKLN di samping sayembara puisi. Nama-nama berpotensi seperti Munirah Jamaluddin, Fizha Nur, dan Nur Amalina Samar pula kian mendapat perhatian pemerhati sastera.

Melalui penubuhan GKLN/GKI banyak bakat-bakat penulis baru dan lama yang berpotensi telah dapat dicungkil. Selain mendapat tempat dalam beberapa buah sayembara, sebahagian ahli GKLN turut berjaya menembusi media cetak tanah air, selain menerbitkan novel, kumpulan cerpen, dan kumpulan puisi. Antara yang kian menonjol seperti Rebecca Ilham, Hazwan Ariff Hakimi, Shahkang, Muhammad Teja, Syafiq Zulakifli, Iwan Ghazali, Thoyba Mursyidah, Aisyah

Madidy, Muzaf Ahmad, Amirul Hamudin, Rifhan Rasuli, Rasydan Fitri, Khairil Idham Ismail, Adibah Abdullah, Siddiq Osman, Zuhaida Zainon, Nurul Lailati Mahat, Faisal Mat Zawi, Muhaimin Sulam, Shafiq Said, Muhammad Iqbal, dan sebagainya.

Melalui sayap publikasinya GKLN telah berjaya menerbitkan 12 naskah buku (sehingga 2012) secara konsisten pada setiap tahun termasuk 3 naskah kumpulan puisi persendirian. Bahkan pada September 2012, satu majlis pelancaran naskah dan baca karya telah diadakan di rumah PENA yang disempurnakan oleh SN Anwar Ridhwan selain dihadiri para tokoh dalam dunia penulisan.

Dalam masa yang sama GKLN turut bekerjasama dengan pelbagai persatuan dan kumpulan khususnya yang berkaitan dengan sastera dan penulisan baik secara individu mahupun kelompok besar. Ini termasuklah menyertai program deklamasi puisi, pementasan teater, penerbitan dan editorial, pengadilan sayembara, diskusi, dan sebagainya.

Melalui sokongan dan penglibatan aktif para ahli, usaha menggalakkan dan mengukuhkan kegiatan penulisan dan sastera di kalangan pelajar luar negara diharap dapat terus giat dan subur, sekaligus menyumbang kepada pengayaan khazanah sastera tanah air. Diharap peranan GKLN akan terus diperkemas dan diperkembang seterusnya menawarkan sesuatu yang baru kepada perbendaharaan sastera tempatan.






A. Afandi Suhaimi



A. AFANDI SUHAIMI atau nama sebenarnya Ahmad Afandi Suhaimi merupakan penuntut di University of Utah, Amerika Syarikat. Dua karya pertama yang pernah diterbitkan ialah Di Rimbun Malang dan Perangkap Mimpi dalam antologi puisi Dandelion. Kini beliau berkerja separuh masa sebagai pembantu penyelidikan. Penulis yang diminati beliau ialah A Samad Said Usman Awang.



*"Sekalipun balingan batu,
kau balas peluru
sekali tidak kaki ini berganjak
kerana syahid matlamatku
dan syurga puncak cita-citaku
aculah senapangmu!
AKU kalis peluru."*

AKU KALIS PELURU

Menghimpunkan karya-karya nukilan penulis muda yang berkelana di luar negara dari benua Eropah, Asia-Australasia, Afrika, Amerika dan Timur Tengah. Bertemakan perjuangan membebaskan Al-Aqsa, pelbagai persoalan dan nilai yang diangkat dalam antologi ini pastinya menjanjikan kesan mendalam buat para pembaca.

ISBN 978-967-10786-4-8



9 789671 078648



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA